

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI HABITAT SEDUNIA**  
**DI TAPAK PROJEK PPR LEMBAH SUBANG II**  
**1 OKTOBER 2001**

-----

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat bersama-sama merayakan Sambutan Hari Habitat Sedunia Tahun 2001 di Tapak Projek PPR Lembah Subang ini. Saya mengucapkan syabas dan Selamat Menyambut Hari Habitat kepada semua kumpulan komuniti (masyarakat) sektor awam, sektor swasta, badan-badan bukan Kerajaan dan badan-badan profesional yang hadir pada pagi ini.

2. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Sambutan Hari Habitat Sedunia Tahun 2001 yang jatuhnya pada tahun ini 1 Oktober 2001 (setiap hari Isnin minggu pertama bulan Oktober setiap tahun).

3. Saya tertarik dengan tema sambutan Hari Habitat Sedunia ini, iaitu "Bandar Tanpa Setinggalan". Memang pun menjadi hasrat kerajaan untuk menghapuskan setinggalan dan kerajaan telahpun menetapkan tahun 2005 sebagai sasaran untuk mencapai matlamat setinggalan sifar. Bagaimanapun sasaran ini mungkin tidak akan tercapai sekiranya tidak ada kesedaran di kalangan kita semua untuk membantu kerajaan. Para pemimpin masyarakat perlu memainkan peranan mereka dan melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya ada pihak yang membuka petempatan haram bagi mendirikan rumah.

4. Saya berharap tema sambutan kali ini akan membawa mesej kesedaran kepada semua pihak bagi membantu kerajaan dan negara bagi mencapai matlamat setinggalan sifar serta meningkatkan taraf hidup mereka ini. Kerajaan juga akan terus membangunkan kawasan-kawasan bandar-bandar kecil lengkap dengan pelbagai kemudahan. Dengan cara ini kita berharap dapat mengurangkan penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar besar. Dasar kita membangunkan kawasan-kawasan luar bandar secara teratur telah memberi kesan yang amat positif kepada penduduk luar bandar.

5. Bersempena dengan Majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia pada hari ini, saya fikir elok kita mengimbas kembali dan memahami mengenai Agenda Habitat. Sambutan Hari Habitat Sedunia yang jatuh pada hari ini 1 Oktober 2001 diadakan bertujuan untuk memperingati mereka yang tidak memiliki rumah serta meninjau ketidaksempurnaan tempat tinggal dan keadaan persekitaran kehidupan yang tidak sepadan dengan status manusia. Di samping itu, ianya juga bertujuan mencari jalan untuk memperbaiki keadaan kehidupan manusia dan kawasan tempat tinggal agar kita dapat hidup dalam persekitaran yang bersih, selamat dan berkualiti tinggi.

6. United Nations Commission For Human Settlements (UNCHS) yang juga dianggotai oleh Malaysia telah memperkenalkan Agenda Habitat. Ianya merupakan satu pelan tindakan sedunia (global plan of action) yang mengandungi matlamat, prinsip, komitmen dan strategi untuk mewujudkan petempatan manusia yang teratur. Agenda Habitat menitikberatkan dua aspek utama iaitu: Pertama -

menyediakan tempat perlindungan yang mencukupi untuk semua (shelter for all); dan Kedua - membangunkan petempatan manusia yang mampan dalam persekitaran perbandaran.

7. Negara kita telah menerima pakai Agenda Habitat dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertindak sebagai pusat tumpuan kebangsaan yang bertanggungjawab: - bagi memastikan pelaksanaan tindakan-tindakan yang ditetapkan dalam agenda habitat; - berusaha untuk melaksanakan komitmen yang dibuat bersama-sama anggota negara United Nations Commission For Human Settlements (UNCHS) semasa persidangan Habitat II pada tahun 1996 di Istanbul; dan - menyelaraskan aktiviti-aktiviti untuk merayakan Sambutan Hari Habitat Sedunia di Malaysia setiap tahun.

8. Sekiranya kita meneliti pelan-pelan tindakan yang digariskan dalam Agenda Habitat ini didapati Malaysia sentiasa bertanggungjawab melaksanakan Agenda Habitat dengan lebih awal dan berterusan, khususnya di dalam penyediaan kemudahan tempat perlindungan yang mencukupi untuk rakyat. Strategi pembangunan perumahan yang diumumkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 ialah untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli atau disewa oleh semua lapisan masyarakat, khususnya untuk golongan berpendapatan rendah.

9. Sebenarnya Malaysia tidak menghadapi masalah penempatan manusia yang begitu ketara berbanding dengan negara-negara lain kerana Kerajaan kita sentiasa memberi keutamaan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat. Malahan kita telah memberi perakuan dan komitmen mengenai perkara ini kepada Sesi Khas Persidangan Bangsa- Bangsa Bersatu yang dikenali sebagai Istanbul+5 di New York, Amerika Syarikat pada 6 hingga 8 Jun yang lalu. Kita telah menerangkan bahawa apa yang dirancang dan dilaksanakan di negara kita ini adalah selari dan memenuhi dengan kehendak Agenda Habitat. Malahan saya difahamkan, beberapa deligasi dari negara lain telah berkongsi pengalaman dan maklumat mengenai cara kita menangani masalah perumahan, pengurusan kerajaan tempatan dan kemiskinan.

10. Tempat kita berkumpul pada pagi ini iaitu di Tapak Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang sebenarnya merupakan contoh yang baik yang membuktikan komitmen Kerajaan dalam penyediaan kemudahan perumahan yang selesa, termampu dan mencukupi untuk rakyat khususnya bagi golongan yang berpendapatan rendah. Kita boleh mengimbas kembali mengenai beberapa langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan dalam pembangunan perumahan di negara ini bagi memastikan Kerajaan tidak menghadapi masalah sosial yang rumit atas masalah- masalah perumahan yang sangat diperlukan sebagai satu keperluan asas. Diantaranya: - Di bawah setiap lima tahun rancangan pembangunan sasaran perumahan ditetapkan berdasarkan keperluan, pendapatan dan kategori rumah;

- Kerajaan telah menyelaraskan semula julat harga rumah kos rendah daripada RM 25 ribu sehingga RM 42 ribu seunit bagi menggalakkan pemaju perumahan swasta menyumbang ke arah pembinaan rumah kos rendah; - Ciri-ciri keselesaan dipentingkan dalam pembinaan rumah kos rendah seperti penyediaan kemudahan asas yang mencukupi, kepadatan yang bersesuaian, spesifikasi rumah yang tidak kurang daripada 650 kaki persegi mengandungi tiga bilik tidur, dua bilik air yang berasingan, ruang tamu, dapur dan longkang;

- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menjalankan kajian

mengenai dasar dan strategi pembangunan setinggan bagi tiap-tiap negeri di Malaysia bagi memudahkan perancangan pembangunan perumahan dijalankan di peringkat negeri;

- Kerajaan telah melancarkan pembinaan rumah-rumah untuk disewa yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah setinggan dan perumahan khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan beberapa bandar utama di negeri-negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Pada masa ini, Program Perumahan Rakyat Bersepadu di Kuala Lumpur dengan sasaran 35,000 unit yang sedang dalam pembinaan dijangka akan dapat mengatasi masalah setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana bilangannya adalah melebihi jumlah keluarga setinggan sebanyak 20,970 keluarga. Keistimewaan Projek-projek di bawah Program Perumahan Rakyat ialah setiap lapisan rakyat mampu untuk menyewanya kerana kadar sewaaninya setakat ini adalah sebanyak RM 124.00 sebulan;

- Program Perumahan Awam Kos Rendah yang bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan yang berpendapatan rendah membeli rumah diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 khususnya di kawasan bandar-bandar kecil dan luar bandar yang kurang penglibatan sektor swasta. Langkah ini juga bertujuan memberi peluang kepada mereka yang tidak dapat pinjaman daripada institusi-institusi kewangan; dan

- Jawatankuasa Kabinet Mengenai Setinggan Kawasan Lembah Kelang telah ditubuhkan pada 23 April 2001 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri sendiri. Jawatankuasa Kabinet ini bertanggungjawab untuk memantau projek perumahan dan penyediaan kemudahan asas yang lain bagi faedah penduduk kawasan setinggan serta menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan tentang perumahan.

11. Menyedari penyediaan kemudahan perumahan yang mencukupi, selesa dan termampu merupakan satu tanggungjawab sosial yang terpaksa dipikul oleh semua pihak bagi menjamin kestabilan sosial, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula telah memainkan peranan yang penting dari segi pemantauan dan mengawal selia pelaksanaan program perumahan yang melibatkan sektor awam dan sektor swasta. Langkah ini adalah sangat mustahak kerana pembangunan perumahan pada keseluruhannya tertakluk kepada pasaran bebas. Setakat ini kita telah berjaya menyelaraskan pembangunan sektor perumahan dengan menggalakkan.

12. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-7, sebanyak 107.4% (859,480 unit) daripada sasaran 800,000 unit rumah telah disiapkan. Pencapaian pembinaan rumah kos rendah adalah sebanyak 200,000 unit. Sektor awam telah menunjukkan prestasi yang cemerlang di dalam penyediaan rumah kos rendah hasil kerjasama semua kerajaan negeri. Sebanyak 45,583 unit (157%) daripada sasaran 29,000 unit telah dapat disiapkan.

13. Masalah-masalah biasa yang dihadapi dalam pembangunan perumahan awam kos rendah seperti penyediaan tapak mengikut lokasi-lokasi yang sesuai, harga tanah yang tinggi dan kos pembangunan tinggi telah dapat diatasi. Saya berharap Kerajaan-kerajaan Negeri akan memberi perhatian yang berterusan bagi memastikan masalah perumahan bagi golongan berpendapatan rendah khususnya setinggan-setinggan dan di kawasan-kawasan sesak terus diberi keutamaan, mengatasi program-program lain.

14. Sambutan Hari Habitat Sedunia pada asalnya telah diadakan bagi memperingati satu peristiwa yang berlaku pada tahun 1986, di mana United Nations For Human Settlements (UNCHDS) telah mengadakan satu perhimpunan untuk mereka yang tidak memiliki rumah dengan keadaan persekitaran yang tidak sempurna dan pembangunan bandar yang tidak mementingkan golongan-golongan yang lemah seperti kanak-kanak, orang tua, orang kurang berupaya, cacat dan wanita.

15. Saya bersyukur sambutan hari ini telah diadakan dalam bentuk Perhimpunan Habitat yang berkonsepkan satu majlis perayaan keraian dan penghargaan yang melibatkan perwakilan penduduk-penduduk yang telah mendapat kemudahan perumahan kos rendah, samada dalam bentuk rumah sewa atau rumah dibeli dari sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan Selangor. Saya amat gembira perhimpunan Habitat ini turut dihadiri bersama oleh sektor awam, sektor swasta, badan-badan bukan Kerajaan dan badan-badan bukan profesional. Saya berharap kehadiran mereka ini akan sentiasa menguatkan dan memperingatkan kita semua mengenai tanggungjawab sosial berhubung dengan penempatan manusia.

16. Saya difahamkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa salah satu daripada resolusi seminar Kepimpinan dan Motivasi Jawantankuasa-jawantankuasa Penduduk Rumah Pangsa Awam/Rumah Kos Rendah bagi Wilayah Persekutuan dan Selangor pada 23 September 2001 lalu telah mencadangkan supaya sambutan hari Habitat ini diadakan setiap tahun dengan melibatkan semua perwakilan penduduk-penduduk yang mendapat kemudahan dari pelaksanaan agenda Habitat. Saya sangat menyokong cadangan ini dan meminta Kementerian Perumahan mengkaji perkara ini dengan lebih lanjut.

17. Dalam konteks penyediaan perumahan yang mencukupi, selesa dan termampu, pelaksanaan agenda Habitat tidak akan sempurna sekiranya setakat mempunyai kemudahan fizikal. Apa yang lebih penting ialah mengenai perubahan sikap penduduk-penduduk supaya kesan daripada faedah pembangunan yang diperolehi dapat dimanfaatkan oleh ahli keluarga. Oleh yang demikian, peranan saudara-saudara sebagai pemimpin sebenarnya sangat berat. Ia tidak boleh dipikul secara bersendirian tetapi perlu mendapat kerjasama daripada sektor awam khususnya badan-badan Kerajaan yang bertanggungjawab ke atas aktiviti-aktiviti pembangunan sosial seperti Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan, Pegawai Daerah, Pejabat Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perpaduan, Kemas dan sebagainya. Saya percaya jasa tuan-tuan dan puan-puan sebagai pemimpin masyarakat mungkin tidak dapat dibalas dalam apa-apa bentuk penghargaan tetapi percayalah setiap usaha ikhlas dan murni kita akan diberkati oleh Allah S.W.T.

18. Akhirnya bersempena dengan majlis ini saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Projek PPR Lembah Subang dengan nama baru "PPR Taman Putra Damai, Petaling Jaya" dan seterusnya Merasmikan Sambutan Hari Habitat Sedunia Tahun 2001 dengan tema "Bandar Tanpa Setingan".

Terima Kasih.